

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Perkahwinan adalah suatu ikatan yang terbentuk antara lelaki dan perempuan yang berlandaskan syariat Islam¹ dan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dalam Islam melalui lafaz akad nikah yang sah bagi menjalani sebuah kehidupan berumah tangga iaitu sebagai suami isteri. Pensyariatan perkahwinan dalam Islam adalah bertujuan untuk melahirkan dan mengembangkan zuriat manusia dengan cara yang halal² sebagai satu penyambung keturunan dan mendapatkan kesejahteraan hidup di dunia juga di akhirat kelak.

Dalam institusi kekeluargaan, Islam telah menggariskan beberapa panduan dan etika bagi membentuk sebuah keluarga yang bahagia dan mendapat keredhaan Allah dengan menggariskan hak-hak tertentu di dalam kehidupan rumah tangga. Hak-hak ini melibatkan hak suami, hak isteri dan hak bersama.

Di antara hak isteri ialah mendapat *mahar* dari suaminya. Sebagaimana di dalam firman Allah S.W.T :

وَأَتُوا النِّسَاءَ صَدْقَهُنَّ خِلَةً فَإِنْ طِبَنَ لَكُمْ عَنْ

شَيْءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَّرِيئًا

¹Al-Ashqar, Omar Sulaiman (2006), *Qānūn al-Ahwāl al-Shakhsiah al-Urdūnī*, Jordan : Dār al-Nafais li Nashar wa al-Tawzī', h. 31
² *Ibid*, h. 33

Maksudnya :

“Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu mahar-mahar mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hati memberikannya kepada kamu sebahagian maharnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian yang halal itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya”.

Surah al-Nisa'(4) : 4

Mahar merupakan kewajipan ke atas pihak suami untuk diberikan kepada isteri sebaik sahaja akad perkahwinan dijalankan secara sah samada disebut atau tercatat di dalam akad.³ Ianya juga merupakan salah satu pemberian wajib suami kepada isteri yang juga dikenali sebagai *mahar* oleh masyarakat hari ini.

Kewujudan *mahar* amat penting. Walaupun ia bukanlah menjadi satu rukun ataupun syarat dalam sesebuah perkahwinan, tetapi ia merupakan elemen yang wajib di dalam akad perkahwinan.⁴ Menurut syarak, *mahar* tidak ditentukan dalam bentuk-bentuk harta yang tertentu, tetapi ia dikategorikan sebagai apa sahaja yang bernilai serta memberi manfaat.⁵

Di Malaysia, kadar *mahar* adalah berbeza mengikut negeri dan setiap negeri telah ditetapkan kadar bayaran *mahar* oleh Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing seperti di Johor RM 22.50, kecuali di Negeri Terengganu dan Kelantan. Di Selangor kadar awal *mahar* yang ditetapkan adalah RM80 untuk anak dara dan RM40 untuk janda, kemudian dinaikkan kepada RM 300 yang telah berkuatkuasa bermula pada 1 Januari 2010.⁶

³ Wahbah al-Zuhaylī, (2008), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, jil. 7. Damsyiq: Dār al-Fikr, , h. 247

⁴ *Ibid*, h. 249

⁵ Abi al-Walid Muhammad Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Rushd (2006 M/1427 H), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid*. jil. 2. Qaherah : Dār al-Fawā’id līl Nasyar wa al-Tawzī’, h. 27

⁶ Kadar Mas Kahwin: Masyarakat Perlu Bezakan Antara 'Adat Dan Ibadat' , <http://mstar.com.my>, 12 Disember 2009

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sudah menjadi ketetapan syarak dan tradisi perkahwinan masyarakat Islam di negara kita dengan pemberian *mahar* oleh pengantin lelaki kepada pengantin perempuan selepas upacara pernikahan secara sah selesai. Kefahaman ini telah sebatи dalam masyarakat sejak dahulu hingga kini.

Menurut Seksyen 21 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 tafsiran mas kahwin bererti “pembayaran kahwin yang wajib dibayar di bawah Hukum Syarak oleh suami kepada isteri pada masa perkahwinan diakadnikahkan, samada berupa wang yang sebenarnya dibayar atau diakui sebagai hutang dengan atau tanpa cagaran atau berupa sesuatu yang menurut Hukum Syarak dapat dinilai dengan wang”. Manakala ‘Pemberian’ ditafsirkan sebagai “pemberian sama ada dalam bentuk wang atau barang-barang yang diberi oleh seorang suami kepada seorang isteri pada masa perkahwinan”.⁷

Pada 11 Disember 2009 , Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) telah membuat kenyataan bahawa kadar *mahar* di negeri Selangor dinaikkan daripada RM80 kepada RM300 dan berkuatkuasa bermula pada 1 Januari 2010. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Jamil Khir Baharom berkata kadar baru mas kahwin di Selangor sebanyak RM300 tidak membebankan jika dibandingkan dengan kos hantaran dan kenduri yang jauh lebih tinggi. Beliau berkata demikian sebagai mengulas langkah Jabatan Agama Islam

⁷ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

Selangor (JAIS) mengumumkan kadar baru mas kahwin di negeri itu sebanyak RM300 bermula tahun depan berbanding RM80 bagi anak dara dan RM40 untuk janda sejak 1978.⁸

Rentetan daripada pelbagai spekulasi dan persepsi yang timbul mengenai isu jumlah *mahar* yang tinggi dan dikatakan membebankan rakyat di Negeri Selangor, Pengkaji tertarik untuk mengkaji sejauh mana sebenarnya pengamalan dan pelaksanaan masyarakat Islam di negeri ini khususnya di Daerah Klang berkaitan dengan hal ehwal perkahwinan terutamanya dalam menetapkan jumlah *mahar*. Adakah ia benar-benar dilaksanakan selaras dengan hukum syarak dan sejauh mana kefahaman masyarakat berhubung dengan konsep *mahar* menurut Islam yang sebenar.

Justeru, kajian yang akan dijalankan adalah untuk mengupas dengan lebih mendalam tentang amalan penetapan kadar *mahar* atau *mahar* ini oleh masyarakat Islam di Negeri Selangor khususnya penduduk di Daerah Klang dan menilai konsep pelaksanaan penetapan *mahar* yang dilakukan menurut perundangan Islam yang sebenar

⁸ Utusan Malaysia Online, "Hantaran beban, bukan mas kahwin ", <http://www.utusan.com.my>, 12 Disember 2009.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Mahar merupakan salah satu elemen penting dalam sistem perundangan keluarga Islam yang kadangkala sering menimbulkan permasalahan dalam kalangan masyarakat ekoran kurangnya kefahaman mengenai hukum *mahar* dan konsep pelaksanaannya. Kesannya, timbul perbezaan seperti penetapan kadar mahar yang berlainan kerana perbezaan *uruf* iaitu keadaan semasa atau suasana sesuatu tempat dan masyarakat.⁹

Islam menganjurkan agar kita mengambil jalan tengah dengan meletakkan *mahar* terlalu tinggi dan tidak pula terlalu rendah kerana asas penetapan *mahar* adalah bergantung kepada kemampuan dan persetujuan pasangan yang akan berkahwin. Rasulullah S.A.W. menggalakkan kita agar mempermudahkan urusan pemberian *mahar* walaupun hanya dengan senaskah al-Quran dan ini dinyatakan di dalam hadis yang diriwayatkan dari ‘Uqbah ibn Amir bahawa Rasulullah S.A.W bersabda :

“*Sebaik-baik mahar adalah mahar yang paling ringan (senang)*¹⁰

Walaubagaimanapun suami boleh memberikan *mahar* yang tinggi kepada isteri berdasarkan firman Allah :

وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَسْتِبْدَالَ زَوْجٍ مَّكَارَ زَوْجٍ
 وَءَاتَيْتُمْ إِحْدَاهُنَّ قِنْطَارًا فَلَا تَأْخُذُوا مِنْهُ شَيْئًا
 أَتَأْخُذُونَهُ بُهْتَنًا وَإِثْمًا مُّبِينًا

⁹ Othman Ishak (1982), “*Mahar Dalam Perundangan Islam*”, *Jurnal Hukum*, Jil. 3 Bil 1. Oktober 1982, h. 20

¹⁰ Abu Dawud Sulayman Ibn al-Ash’ath al-Sijistani (t.t). *Sunan Abi Dawud*. jil. 2. Lubnan: Dār Ihya’ Al-Sunnah Al-Nabawiyah, , no. hadith : 2111, h. 238

Maksudnya :

“...sedang kamu telah memberikan kepada salah seorang daripada mereka harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil sedikit pun darinya...”

Surah al-Nisa' (4) : 20

Kenaikan kadar *mahar* di Negeri Selangor sememangnya mendapat perhatian umum termasuk mereka yang menetap di luar negeri ini. Walaupun kadar yang baharu ini merupakan kadar *mahar* yang tertinggi yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri setakat ini, pengkaji merasakan isu sebenar berkaitan *mahar* ini bukanlah pada naik turun nilainya tetapi bagaimana masyarakat setempat memahami dan mengaplikasikan konsep sebenar pensyariatan *mahar* dan hikmahnya di dalam kehidupan.

Justeru, pengkaji telah mengenalpasti permasalahan yang menjadi pokok persoalan kajian iaitu bagaimana konsep pengamalan sebenar masyarakat Islam di Selangor khususnya di Daerah Klang dalam menetapkan kadar *mahar*. Bagi Pengkaji, amat penting untuk mengetahui bagaimana amalan atau kebiasaan penduduk di Negeri Selangor ini menentukan kadar *mahar* kerana hal inilah yang akan menjawab persoalan yang timbul terutama sejauh mana pengamalan masyarakat di Negeri Selangor benar-benar mengikut syariat.

Pengkaji juga ingin melihat apakah faktor yang dilihat dalam menentukan *mahar*, pihak yang berautoriti menentukannya dan bagaimana cara penetapan *mahar* yang diamalkan sejak turun temurun ini selaras dengan norma-norma perundangan Islam. Di samping itu, kupasan terhadap adat yang dipraktikkan dalam masyarakat Melayu kini yang

dikatakan sebagai salah satu faktor penting dalam penentuan dan penetapan *mahar* akan turut dikaji.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Tajuk disertasi ini ialah “ Amalan Penetapan Kadar *Mahar* Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Daerah Klang, Selangor : Analisis Dari Perspektif Perundangan Islam. Di antara objektif kajian yang ingin dicapai oleh Pengkaji adalah :

1. Mengetahui realiti sebenar amalan dan kaedah masyarakat Islam di Daerah Klang dalam menetapkan *mahar* dengan lebih jelas dan kemudian membuat penilaian menurut perundangan Islam yang sebenar.

2. Mengenal pasti kriteria atau dasar yang menjadi indikator masyarakat di lokasi kajian dalam menentukan kadar *mahar* di tempat.

3. Melihat pandangan dan maksud *mahar* dalam kehidupan masyarakat Islam serta bagaimana penggunaan *mahar* oleh wanita dari aspek sosio-ekonomi.

4. Memberi beberapa saranan dan cadangan terhadap pihak-pihak yang berkenaan bagi membantu meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap perkara ini dan mencari satu jalan penyelesaian bagi mengatasi isu *mahar* menurut hukum Islam yang sebenar.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

1) Bagi pihak Jabatan Agama Islam Negeri Selangor

Kajian ini penting untuk pihak mereka mengetahui amalan sebahagian masyarakat dalam menentukan kadar *mahar*. Secara tidak langsung, pihak JAIS dapat mengetahui, menilai dan menyemak kefahaman dan pengamalan mereka supaya selaras dengan syariat dan tidak melanggar norma-norma kehidupan. Ini bersesuaian dengan peranan mereka bagi memastikan sesebuah institusi kekeluargaan dapat dibina dengan baik dan sempurna dengan memastikan hal ehwal perkahwinan ini berlangsung menurut etika-etika yang telah digariskan dalam Islam.

2) Pejabat Agama Islam Daerah Klang

Dapatan kajian mengenai pelaksanaan dan kefahaman masyarakat terhadap penetapan *mahar* boleh digunakan sebagai maklumat bagi pihak berkuasa agama Daerah untuk mengetahui tahap pengetahuan agama masyarakat sekaligus dapat mengatur strategi yang lebih berkesan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman terhadap hal ehwal perkahwinan dan etika sebenarnya menurut Islam. Begitu juga dengan dapatan dari analisis terhadap pengamalan masyarakat dalam menetapkan *mahar* menurut perundangan Islam dapat membentuk suatu kesinambungan dalam proses mengislamisasi sesebuah masyarakat khususnya masyarakat Islam di Daerah Klang agar mengikut garis panduan agama yang telah lengkap dan sempurna ini.

3) Kaunselor dan Perunding Hal-ehwal Kekeluargaan

Kekeliruan di antara *mahar* dan hantaran juga menyebabkan masyarakat kini lebih melihat hantaran sebagai perkara wajib sedangkan *mahar* merupakan elemen penting dalam prosedur perkahwinan dan ianya lebih dituntut oleh syarak. Oleh itu, dengan adanya kajian seperti ini, secara tidak langsung ia dapat membantu kaunselor di Unit Perundangan Keluarga (UPK) di bawah Pejabat Agama Islam dan perunding hal-ehwal kekeluargaan dalam mengendalikan sesi khidmat nasihat keluarga dan mendedahkan kepada masyarakat pentingnya mengetahui konsep pelaksanaan *mahar* yang sebenar dalam Islam bagi menjaga kemaslahatan kedua-dua belah pihak iaitu suami dan isteri.

4) Penulisan Disertasi

Kajian ini juga merupakan satu sumbangan Pengkaji kepada dunia keilmuan dan menambah koleksi khazanah tulisan ilmiah untuk pengetahuan umum. Ianya juga amat berharga bagi Pengkaji dalam usaha meningkat dan meluaskan pengetahuan serta penguasaan dalam bidang kemasyarakatan khususnya hal ehwal kekeluargaan Islam, pemasalahan dan cabaran semasa.

1.5 HURAIAN ISTILAH

Menurut kamus Dewan, amalan adalah sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan dan sebagainya sebagai suatu kebiasaan.¹¹ Perkataan penetapan pula membawa maksud perihal menetapkan, pemastian atau penentuan.¹²

Kadar ialah jumlah atau banyaknya bayaran yang dikenakan¹³ bagi sesuatu perkara seperti kadar pembayaran cukai, manakala *mahar* pula adalah mas kahwin yang diberikan kepada pengantin perempuan¹⁴; hadiah perkahwinan di mana menurut agama Islam, ia adalah hadiah yang diberikan oleh pengantin lelaki kepada pengantin perempuan semasa akad nikah dan ianya menjadi hak milik isteri.¹⁵

Dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 di bawah Seksyen 21, istilah yang digunakan adalah mas kahwin yang merujuk kepada *mahar*. Bagi mengelakkan kekeliruan di dalam penulisan ini, Pengkaji akan menggunakan istilah *mahar* tetapi jika ia merujuk kepada hal ehwal perundangan, istilah mas kahwin akan digunakan.

Oleh itu dapat disimpulkan bahawa ‘Amalan Penetapan Kadar *Mahar*’ adalah suatu kebiasaan yang dilakukan dalam menetapkan atau menentukan jumlah bayaran *mahar* yang akan diberi kepada pengantin perempuan.

¹¹ Kamus Dewan (2007), Edisi Keempat, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 42

¹² *Ibid*, h. 1677

¹³ *Ibid*, h. 652

¹⁴ *Ibid*, h. 975

¹⁵ The Encyclopaedia of Islam (1995), jil. 6, Leiden : E. J. Brill, h. 77

Masyarakat merupakan kumpulan manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu¹⁶ dan Islam adalah agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad S.A.W.¹⁷ Dapat dirumuskan bahawa ‘Masyarakat Islam’ adalah sekumpulan manusia yang hidup di suatu tempat dan mengamalkan ajaran agama Islam sebagai cara hidup.

Perkataan analisis membawa maksud satu pengkajian atau penghuraian sesuatu keadaan, masalah atau persoalan untuk mengetahui pelbagai aspek mengenainya secara terperinci atau mendalam.¹⁸ Perspektif pula bermaksud pandangan atau penafsiran yang wajar berkenaan sesuatu dengan memikirkan bahagian-bahagiannya dalam hubungan keseluruhannya.¹⁹

Perundangan Islam atau diterjemahkan di dalam bahasa Inggeris sebagai ‘*Islamic Law*’ bererti keseluruhan kitab Allah yang mengatur kehidupan setiap individu muslim dalam segala aspek kehidupannya.²⁰

Dalam konteks kajian ini, perundangan Islam yang dimaksudkan bukan sekadar norma-norma hukum yang telah diperundangkan seperti yang terdapat dalam enakmen-enakmen atau akta-akta yang dilaksanakan di mahkamah²¹ tetapi ia merangkumi sumber hukum asas yang digunakan oleh fuqaha’ dalam membentuk hukum Islam yang dikenali sebagai dalil-dalil hukum seperti al-Quran, al-Sunnah, *Qiyās*, *Ijmā*, *al-Maslahah* dan sebagainya.²²

¹⁶ *Ibid*, h. 1004

¹⁷ *Ibid*, h. 590

¹⁸ *Ibid*, hlm 51

¹⁹ *Ibid*, hlm. 1194

²⁰ Schart, Joseph (1964), *An Introduction to Islamic Law*. New York: Oxford University Press, h. 1

²¹ Mahmood Zuhdi (1997), *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, h.2

²² ‘Abdul Karim Zaydan (1993M/1414H), *al-Wajīz fi Uṣūl al-Fiqh*. Qaherah : Dār al-Tawzī’ wa Nasyar al-Islāmiyyah, h.23

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat dirumuskan bahawa kajian ini adalah berkisar tentang analisis amalan masyarakat Islam di Daerah Klang dalam menetap dan menentukan jumlah bayaran *mahar* menurut pandangan perundangan Islam.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini hanya tertumpu kepada masyarakat Islam di Daerah Klang, Selangor. Ini kerana Negeri Selangor merupakan negeri yang telah menaikkan kadar *mahar* yang terbaharu dan yang tertinggi setakat ini dan Daerah Klang dipilih kerana bersesuaian dengan keperluan Pengkaji untuk memilih respondan yang tidak terlalu luas skopnya selain ia merupakan Daerah tempat tinggal Pengkaji. Secara tidak langsung ia memudahkan Pengkaji untuk melakukan kajian. Dari segi pentadbiran Daerah Klang terbahagi kepada dua mukim dan empat kawasan yang secara langsung terlibat sebagai skop lokasi kajian iaitu :

- ❖ Mukim Klang
- ❖ Mukim Kapar
- ❖ Kawasan Jalan Kebun
- ❖ Kawasan Pulau Indah
- ❖ Kawasan Rantau Panjang
- ❖ Kawasan Bukit Raja

Fokus kajian ini adalah untuk menganalisis amalan penetapan kadar *mahar* dalam kalangan masyarakat Islam di Daerah Klang dari sudut perundangan Islam. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, skop kajian ini meliputi perundangan Islam yang menjadi sumber hukum asas yang digunakan oleh fuqaha' dalam membentuk hukum Islam yang dikenali sebagai dalil-dalil hukum seperti al-Quran, al-Sunnah, *Qiyās*, *Ijmā*, *al-Maṣlahah* dan sebagainya²³ serta norma-norma hukum yang telah diperundangkan seperti yang terdapat dalam enakmen-enakmen atau akta-akta yang dilaksanakan di mahkamah.²⁴

Dalam kajian ini pengkaji telah mengenal pasti bidang kajian dengan membuat tinjauan tentang keadaan amalan masyarakat di tempat kajian dalam menetapkan kadar *mahar* yang merangkumi cara penetapan, pihak yang terlibat dalam penetapan, jenis *mahar* yang diamalkan serta kriteria yang dilihat dalam menentukan kadar *mahar*. Kajian juga akan meninjau kefahaman masyarakat mengenai *mahar*, kepentingannya dan sejauh mana *mahar* ini memberi kesan terhadap sosio-ekonomi wanita yang akan dilihat dari segi penggunaannya.

²³ Abdul Karim Zaydan (1993M/1414H), *op.cit.*

²⁴ Mahmood Zuhdi (1997), *op.cit.*

1.7 KAJIAN LEPAS

Perihal *mahar* ini sebenarnya telah banyak dibincangkan oleh cendikiawan Islam dahulu dan kini yang kemudiannya telah pun dimuatkan ke dalam kitab-kitab fiqh. Hasil daripada pembacaan pengkaji, kitab-kitab *turath* banyak membincangkan tentang pensyariatan *mahar*, hikmah, syarat dan beberapa aspek lagi secara umum termasuklah perbahasan mengenai kadar *mahar* mengikut pandangan imam-imam mazhab. Faktor corak kehidupan masyarakat pada waktu itu mungkin tidak begitu menuntut kepada perbahasan *mahar* ini dari sudut perundangan dan semasa.

Berbeza dengan penulisan fuqaha' kontemporari, telah ada sedikit pembaharuan yang diterapkan seperti mengupas, mengkritik dan menganalisa persoalan yang dibincangkan. Pembaharuan ini dapat dilihat seperti dalam penulisan Wahbah al-Zuhaylī,²⁵ dan Muhammad Zakariyyā al-Bardīsi²⁶. Penulis-penulis bukan sahaja mengupas *mahar* dari aspek fiqh tetapi melihat bagaimana status *mahar* ini dari sudut perundangan di negara Syria dan Mesir.

Sedikit kelainan dalam penulisan 'Abdul Karim Zaydan²⁷ kerana beliau mengupas mengenai penetapan *mahar* terutama dari segi kadar dan jumlahnya bukan sahaja dari skop perundangan fiqh, tetapi juga ahli tafsir seperti al-Rāzi dan al-Qurṭubī.

Selaras dengan kemajuan teknologi dan perubahan zaman, aspek perbincangan *mahar* juga semakin meluas aspek yang dibahaskan. Perbincangan tentang *mahar* dan permasalahan yang timbul dalam konteks semasa boleh ditemui dalam penulisan

²⁵ Wahbah al- Zuhaylī (2008), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, jil. 7. Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 247

²⁶ Muhammad Zakariyyā al- Bardīsi (1965), *al-Ahwāl al-Shaksiah*, Qaherah : Ma'had al-Dirasāt al-Islamiyyah, h.71-88

²⁷ Abdul Karim Zaydan (1994), *al-Mufassal fī Ahkām al-Mara'ah wa al-Bayt al-Muslim fī al-Shari'ah al-Islamiyyah*, jil. 7, cet. 2. Beirut : Muassasah al-Risālah

Muhammad Abū Zahrah,²⁸ Badrān Abu al-'Aynayn Badrān,²⁹ dan Wahbah al-Zuhaylī.³⁰ Sebahagian penulis seperti Muhsin al-Nūrī al-Mūsūwī (2007)³¹ dan 'Ādil 'Abd al-Mun'im Abū al-'Abbās (1988),³² menyimpulkan bahawa peningkatan ekonomi dan taraf hidup di sebahagian negara-negara Arab Timur Tengah menyumbang kepada 'permintaan' *mahar* yang semakin tinggi serta membebankan golongan muda yang mahu berkahwin.

Fakta ini turut disokong dalam penulisan David Pearl (1979)³³ dan C. M. Shafaqat (1979)³⁴ yang melihat kesan pemberian *mahar* ini melalui kes-kes yang berlaku di India dan Pakistan. Walaupun isu yang dibincangkan hanya melingkungi kehidupan dan budaya masyarakat Islam di India dan Pakistan, namun sedikit sebanyak ia memberi maklumat kepada Pengkaji mengenai isu-isu *mahar* yang berbangkit di luar negara dan sejauh mana keseriusan kes-kes berkenaan *mahar* ini dilaporkan.

Isu *mahar* yang semakin serius diperbincangkan ini boleh dianggap sebagai isu universal kerana ia bukan sahaja melibatkan mereka yang beragama Islam tetapi juga mereka yang bukan Islam. Werner F. Menski menjelaskan bahawa kekeliruan dalam memahami persoalan pembayaran dalam perkahwinan ini dilihat banyak berlaku dalam masyarakat Islam dan bukan Islam di India³⁵ dan sedikit sebanyak ianya mempengaruhi hak kewangan isteri seperti hak pembayaran nafkah.³⁶ Ini kerana salahah faham yang berlaku di dalam sesebuah masyarakat dalam memahami konsep pemberian mahar ini boleh

²⁸ Muhammad Abū Zahra (1971), *Muḥādarāt fī 'Akad al-Zawāj wa Āthāruhu*, Qaherah : Dār al-Fikr al-Ārabi, h. 228-288

²⁹ Badrān Abu al-'Aynayn Badrān (1967), *al-Fiqh al-Muqaran al- al-Ahwāl al-Shakhsiah baina al-Mazāhib al-Arab'aah al-Sunniah wa al-Mazhab al-J'afarī*, jil. 1. Beirut : Dār al-Nahdah al-'Arabiyah, h. 180-231

³⁰ Wahbah al-Zuhaylī (2008), *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'ī*, jil. 4, Damsyiq : Dār al-Falah

³¹ Muhsin al-Nūrī al-Mūsūwī (2007), *al-Khuthībah wa 'Alāqah al-Khatibin wa Mahr al-Zawjah*, Beirut : Dār al-Hādī, h.151-223

³² Abū Al-'Abbās, 'Ādil 'Abd Al-Mun'im (1988), *al-Zawāj wa al-'Alāqāt al-Jinsiyyah fī al-Islām*, Qaherah : Maktabah Furqān, h. 86-93

³³ David Pearl (1979), *A Textbook on Muslim Law*, London : Croom Helm, h. 57-64

³⁴ C. M. Shafaqat (1979), *The Muslim Marriage, Dower & Divorce*, Lahore : Law Publishing Company, h. 76-82

³⁵ Werner F. Menski (1990), "The Reform of Islamic Family Law and Uniform Civil Code for India" dalam Chibli Mallat & Jane Connors (eds.), *Islamic Family Law*, London: Graham & Trotman, h.278-279

³⁶ Raihanah Abdullah, (2007), Maintenance Rights For Muslim Wives In India: Legal Respons. *Jurnal Syariah*, jil. 5, h. 1-5

mendatangkan perkara negatif seperti yang dinyatakan oleh Tahir Mahmood(1983)³⁷ membicarakan tentang “*Settlement of Dower*” dan *Dowry and Inheritance*(2005) oleh sarjana wanita di India.³⁸

Dalam isu yang lain, terdapat sebahagian penulis yang memahami dan berpendapat bahawa *mahar* ini sebagai *dowry*³⁹ iaitu pembayaran dari pihak perempuan kepada pihak lelaki kerana beranggapan setiap pembayaran di dalam perkahwinan adalah *mahar*. Isu ini dapat dilihat dalam kupasan-kupasan yang dibuat oleh Sunil Sethi di dalam artikelnya “*Dowry- A Gift of Justice*”,⁴⁰ dan kajian oleh Padma Srinivisan dan Gary R. Lee (2004)⁴¹.

Penjelasan mengenai perkahwinan, *mahar* dan amalan pelaksanaannya oleh masyarakat Melayu di sebahagian negeri-negeri di Malaysia dapat dilihat dalam tulisan M.B. Hooker yang bertajuk *The Personal Law of Malaysia : An Introduction*,⁴² *Islam and Customary Law in The Malaysian Legal Context*⁴³ oleh Ahmad Mohammed Ibrahim dan kajian yang dilakukan oleh Othman Ishak (1982).⁴⁴ Amran Kasimin⁴⁵ dalam *Istiadat Perkahwinan Melayu Satu Kajian Perbandingan*, ulasan amalan pembayaran *mahar* oleh Raihanah Hj. Azhari,⁴⁶ Kupasan yang dibuat menunjukkan bahawa adat dan tradisi masyarakat Melayu ini amat mempengaruhi amalan perkahwinan orang Melayu suatu ketika dahulu termasuk amalan menetapkan kadar pembayaran *mahar*.

³⁷ Tahir Mahmood (1983), *Muslim Personal Law : Role of The State in The Indian Subcontinent*, cet. 2. Nagpur : All India Reporter, h. 61-64

³⁸ Srimati Basu (ed.) (2005), *Dowry and Inheritance*. London : Zed Books

³⁹ Pascale Fournier (2010), “Flirting With God In Western Secular Courts : Mahr In The West” , *International Journal of Law, Policy and The Family*, Bil 24 (1), h. 67-94

⁴⁰ Sunil Sethi (1986), “Dowry- A Gift of Justice”, *INSAF The Journal Of The Malaysian Bar*, Bil. xviii, Jun 1986, h. 118-119

⁴¹ Padma Srinivisan dan Gary R. Lee (2004), “The Dowry System in Northern India: Women's Attitudes and Social Change” , *Journal of Marriage and Family*, Jil. 66 Bil. 5, Disember 2004, h. 1108

⁴² M.B. Hooker, (1976), *The Personal Law of Malaysia : An Introduction*. Kuala Lumpur : Oxford University Press, h. 30-31

⁴³ Ahmad Mohammed Ibrahim (1968), “Islam and Customary Law in The Malaysian Legal Context” dalam David C. Buxbaum (ed.), *Family Law and Customary Law in Asia : A Contemporary Legal Perspective* , Netherlands: The Hague Martinus Nijhoff, h. 112-117.

⁴⁴ Othman Ishak (1982), “*Mahar Dalam Perundangan Islam*”, *Jurnal Hukum*, Jil. 3 Bil 1. Oktober 1982, h. 20-29

⁴⁵ Amran Kasimin (1989), *Istiadat Perkahwinan Melayu Satu Perbandingan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 20-22

⁴⁶ Raihanah Hj. Azhari (2000), “Pengaruh Budaya Melayu Dalam Penentuan Kadar *Mahar*” (Seminar Hukum Islam Semasa 111 Peringkat Kebangsaan 2002 anjuran Jabatan Fiqh Dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada 7 dan 8 November 2000)

Walaupun skop penulisan buku-buku di atas tidak meliputi semua negeri di Malaysia, tetapi sedikit sebanyak ia membantu Pengkaji memahami sejarah dan aplikasi sistem *mahar* di beberapa negeri di Malaysia termasuk di negara Asia Tenggara seperti karya R. H. Barners (1980)⁴⁷ yang melihat bagaimana amalan perkahwinan etnik-etnik yang tinggal di sebelah Timur Indonesia di Indonesia ini yang membuktikan bahawa adat sesuatu kaum itu sangat mempengaruhi sistem kehidupan sesebuah masyarakat.

'Abdur Rahman I. Doi (1984)⁴⁸ tidak banyak membicarakan amalan penetapan *mahar* dalam masyarakat kini namun sedikit perbezaan dapat dilihat dalam penulisan bukunya yang bertajuk *Women In Sharī'ah (Islamic Law)*⁴⁹ di mana beliau membawa isu *mahar* sebagai hak ekonomi wanita dan John L. Esposito (1982)⁵⁰ dalam penjelasan yang ringkas melihat bagaimana *mahar* boleh menjadi elemen penting di dalam kontrak perkahwinan bagi wanita melindungi haknya.

Kepentingan pembayaran *mahar* ini bukan sahaja diiktiraf melalui hukum fiqh dan adat setempat, tetapi revolusi perundangan Islam telah meningkatkan kepentingannya dalam sistem perundangan keluarga Islam. Buku yang bertajuk *The Islamic Law of Personal Status* (1986),⁵¹ penulisan Anwar Ahmad Qadri (1986),⁵² Mahmud Saedon Awang Othman(1999)⁵³ dan tokoh tempatan Ahmad Mohammed Ibrahim dalam bukunya *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*⁵⁴ serta gabungan penulisan antara Mahmood Zuhdi serta Raihanah Azhari dalam *Undang-undang Keluarga Islam : Konsep dan*

⁴⁷ R. H. Barners (1980), "Marriage, Exchange and Meaning of Corporations in Eastern Indonesia" dalam J. L. Comaroff (ed), *The Meaning of Marriage Payment*, New York : Academic Press Inc, h. 93-123

⁴⁸ Abdur Rahman I. Doi (1997), *Shariah : The Islamic Law*, London : Ta Ha Publishers, h.158-167

⁴⁹ Abdur Rahman I. Doi (1992), *Women In Sharī'ah (Islamic Law)*, cet. 4, Kuala Lumpur : A. S. Noordeen, h. 154-158

⁵⁰ John L. Esposito (1980), *Women in Muslim Family Law*, New York : Syracuse University Press, h. 24-26

⁵¹ Jamal. J. Nasir (1986), *The Islamic law of Personal Status*, Kluwer : Graham and Troman, h.78-92

⁵² Anwar Ahmad Qadri (1986), *Islamic Jurisprudence in the Modern World*, cet. 2. Delhi : Taj Company, h. 370-380

⁵³ Mahmud Saedon Awang Othman (1999), "Hak Wanita Dalam Undang-undang Keluarga Islam" dalam Abdul Monir Yaacob (ed.), *Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-negara ASEAN*, Kuala Lumpur : IKIM, h. 189-226

⁵⁴ Ahmad Ibrahim, (1999), *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Malayan Law Journal Sdn.Bhd, h. 59-65

*Pelaksanaannya di Malaysia*⁵⁵ adalah diantara karya yang memperlihatkan kepentingan pembayaran mahar serta menjadi pencetus kepada golongan wanita supaya menyedari akan hak-hak mereka terutamanya dari aspek kewangan dan sosio-ekonomi.

Daripada pencarian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa tiada kajian yang dilakukan diperingkat sarjana mahupun doktor falsafah di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia berkenaan *mahar* dan pengamalannya di dalam masyarakat Melayu Islam di Malaysia secara umum dan Negeri Selangor khususnya tetapi di Universiti Islam Antarabangsa terdapat satu penulisan yang mengupas secara terperinci prosedur pra-perkahwinan yang turut membincangkan mengenai penetapan *mahar* tetapi tidak dibincangkan secara terperinci dan kajian yang dilakukan lebih melihat kepada adat Melayu di Kedah sahaja.⁵⁶

Selain itu, terdapat juga penulisan yang mengupas perbandingan di antara enakmen Undang-undang Keluarga Islam Wilayah 1984 dan *Law Reform (Marriage & Divorce) 1974* untuk bukan Islam di Malaysia. Akan tetapi kajian ini hanya menyentuh tentang perbandingan peruntukkan *mahar* dari sudut perundangan di antara kedua akta undang-undang tersebut.⁵⁷

Rumusan daripada sorotan literatur yang dilakukan, dapat pengkaji merumuskan bahawa masih kurang pengkajian berkaitan *mahar* terutama bagaimana kaedah dan amalan sebenarnya di kalangan masyarakat Islam di Malaysia kini secara terperinci dan khususnya

⁵⁵ Mahmood Zuhdi Abdul Majid dan Raihanah Azhari (1989), *Undang-undang Keluarga Islam : Konsep dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur : Karya Abazie, h. 89-96

⁵⁶ Shamsida Muhammad Shah al-Haj (2005), “*Al-‘Arāf al-Malāyūwiyah Fī Muqaddimāt al-Zawāj Fī Maṭīzīyah Dirāsah Fiqhīyyah Naqdīyyah Fī Namuzaj Wilayah Qadah*” (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Ilmu Wahyu dan Tamadun Islam, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Islam Antarabangsa, Gombak)

⁵⁷ Abdul Bari Awang (2005), “*Aqd al-Zawājwa Āثارahu : Dirāsah Muqāranah Baina Qānūn al-Usrah al-Islamiyyah bi Wilāyah kuwālā Lamburāl-Fidrāliyyah 1984 wa Qānūn al-Islah al-Usarī (al-Zawājwa al-Talāq) 1976 li ghair al-Muslimīn bi Maṭīzīyah*, (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Ilmu Wahyu dan Tamadun Islam, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Islam Antarabangsa, Gombak)

bagi masyarakat Islam di Negeri Selangor. Justeru, kajian yang akan dilakukan ini adalah untuk mengisi kekosongan dan kelomongan yang ada supaya ia akan menambah baik kekurangan yang ada di dalam bidang pengkajian pengkaji nanti.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Secara umumnya kajian ini berbentuk kajian tinjauan (*survey*) di mana kajian ini adalah untuk membuat tinjauan, ramalan dan penjelasan tentang sesuatu isu masyarakat yang timbul⁵⁸ di mana di dalam kajian ini Pengkaji ingin melihat dan membuat satu penilaian (analisa) bagaimana amalan masyarakat dalam menetapkan kadar *mahar*. Metodologi yang akan digunakan adalah bertujuan untuk menjelaskan dan mendapatkan maklumat mengenai permasalahan yang dikaji. Oleh itu, beberapa langkah diambil bagi memastikan kajian ini memperoleh daptan menyeluruh melalui usaha pengumpulan data dan analisis data.

1.8.1 Metod Pengumpulan Data

a) *Kajian Perpustakaan (Library research)*

Pengkaji menggunakan kajian perpustakaan atau *library research* yang dilaksanakan pada keseluruhan bab penulisan terutamanya dalam bab satu hingga bab ketiga. Antara bahan-bahan yang dirujuk adalah seperti buku teks, tesis, disertasi, akhbar, kertas seminar, jurnal, bahan di laman sesawang dan sebagainya samada dalam bahasa Melayu, Inggeris mahupun Arab. Untuk tujuan tersebut, pengkaji telah menggunakan Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Za'aba Universiti Malaya, Perpustakaan Undang-undang Universiti Malaya, dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Al-Ghazali Resource Centre Universiti Islam Antarabangsa dan Perpustakaan Awam Pusat Islam.

⁵⁸ Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah Pengkajian : Kaedah Dan Statistik Pengkajian*, Kuala Lumpur : McGraw-Hill Education, h. 107 - 110
19

b) Metod Dokumentasi

Metod ini digunakan secara khusus di dalam bab yang ketiga dengan melakukan pembacaan terhadap dokumen-dokumen yang mempunyai hubungkait dengan persoalan kajian seperti Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003, enakmen undang-undang di beberapa negeri, warta kerajaan, laporan-laporan kes dan lain-lain lagi.

c) Kajian Kualitatif

Kajian ini adalah berbentuk kajian untuk mengumpul jawapan terus daripada subjek kajian bagi mendapatkan penghuraian sesuatu isu atau fenomena yang mahu dikaji oleh Pengkaji.⁵⁹ Justeru itu, kajian tinjauan berbentuk kualitatif lebih sesuai dijalankan melalui cara mendapatkan data secara temu bual ataupun soal selidik ataupun kedua-duanya sekali⁶⁰. Bagi melengkapkan kajian dan mendapatkan data serta maklumat yang lengkap, pengkaji telah menggunakan beberapa metod yang lain seperti metod penentuan subjek, metod pengumpulan data dan metod analisis data.

d) Metod Temu Bual Secara Mendalam – In-Depth Interview

Metod ini dipilih dan digunakan di dalam bab keempat. Metod ini amat penting dalam kajian ini kerana melaluinya pengkaji memperoleh maklumat yang diperlukan dengan lebih tepat dan jelas. Metod ini lebih sesuai digunakan bagi kajian yang berbentuk kajian kualitatif.⁶¹ Temu bual yang dilakukan adalah berbentuk semi-struktur kerana bentuk ini memudahkan Pengkaji untuk menyoal sebilangan soalan formal berkaitan *mahar* dan juga perkara yang berkaitan dengan perkahwinan yang telah dibina dan juga diberi kebebasan

⁵⁹ Chua Yan Piaw (2006), h. 110

⁶⁰ *Ibid.* h. 107

⁶¹ *Ibid.* h.113

untuk menyoal dan menjelajah lebih mendalam tentang jawapan responden kepada satu soalan formal yang ditanya⁶². Bagi menjadikan kaedah temu bual ini lebih bersifat objektif dan boleh dipertanggungjawabkan, beberapa kaedah yang lebih bersifat mikro telah dijalankan :-

- (1) Pengkaji telah mengadakan temujanji dengan 20 orang responden yang merupakan penduduk tempatan yang telah berkahwin bagi memastikan mereka dapat meluangkan masa yang terbaik dan tidak mengganggu urusan harian mereka.
- (2) Proses temu bual dibahagikan kepada dua sesi, dimana sesi pertama dimulakan dengan pengenalan bagi menjelaskan maksud dan tujuan kajian kepada orang yang ditemu bual disamping meminta responden mengisi borang maklumat diri. Manakala sesi kedua ialah sesi temu bual sebenar yang lebih serius dan berfokus kepada isi kandungan sebenar kajian.⁶³
- (3) Untuk memastikan maklumat tidak diragui dan kedudukan orang ditemu bual tidak terjejas, Pengkaji telah memaklumkan objektif dan tujuan kajian serta menyatakan bahawa segala perbualan yang dirakam tidak disebarluaskan dan ianya hanya menjadi koleksi peribadi Pengkaji.

⁶² Chua Yan Piaw (2006), h.116.

⁶³ Lihat sebagai contohnya kajian yang menggunakan kaedah ini di dalam Suseela Malakolunthu (2001), “Pengumpulan dan analisa data kuantitatif ; Satu imbasan” dalam Marohaini Yusuf (ed), *Penyelidikan Kualitatif : Pengamalan Kerja Lapangan Kajian*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, h. 123-125.

- (4) Temu bual dilakukan dengan menggunakan pita rakaman (*mp4*) dan kemudian dipindahkan dalam bentuk penulisan di mana soalan-soalan yang rapi telah disediakan terlebih dahulu. Di samping itu, beberapa soalan spontan juga digunakan kesan daripada respon jawapan orang yang ditemu bual.
- (5) Kesemua responden yang ditemu bual adalah mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam hal ehwal perkahwinan di lokasi kajian terutamanya dalam amalan penetapan kadar *mahar* bagi memastikan data-data yang diperolehi adalah tepat dan boleh menjadi sumber rujukan utama.
- (6) Isi kandungan temu bual ini telah dipatikan agar ianya lebih bersifat menjurus kepada skop dan tumpuan kajian.
- (7) Kaedah trigulasi telah digunakan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data yang dikumpul melalui temu bual.⁶⁴ Melalui kaedah ini, Pengkaji tidak hanya bergantung kepada seorang yang ditemu bual sahaja, tetapi meluas kepada mereka yang lain supaya data yang diperoleh adalah tepat dan konsisten.

⁶⁴ Janasik Valeria (1994), “The Dance of Qualitative Research Design”, dalam Norman K. Denzin (ed), *Handbook of Qualitative Research*, California: Sage Publications, h. 214-215

e) ***Sampel Kajian***

Responden kajian ini lebih khusus kepada penduduk atau masyarakat Islam di Daerah Klang. Memandangkan kajian ini ingin melihat amalan sebenar masyarakat dan menggunakan teknik temu bual secara mendalam dan ingin mengetahui amalan masyarakat tersebut, Pengkaji telah memilih 20 orang responden dan bilangan ini mencukupi kerana teknik ini tidak memerlukan bilangan responden yang ramai.⁶⁵ Dari segi pemilihan responden, Pengkaji menggunakan teknik Persampelan Bukan Kebarangkalian⁶⁶ yang menggabungkan teknik Persampelan Bertujuan, Persampelan Kouta dan Persampelan Bola Salji⁶⁷ bagi memilih mereka yang memenuhi kriteria yang dikehendaki oleh pengkaji⁶⁸ iaitu mereka yang telah berkahwin, menetap di Daerah Klang melebihi 5 tahun serta mempunyai faktor umur dan latar belakang pekerjaan yang berbeza-beza kerana ini akan mempengaruhi jawapan dan maklumat yang dikehendaki Pengakaji berdasarkan pengalaman hidup dan kefahaman responden.

1.8.2 Metod Analisis Data

a) ***Metod Induktif***

Metod Induktif ini digunakan dalam bab yang ketiga dan keempat untuk mengenalpasti amalan masyarakat Islam mengenai *mahar* dan melihat unsur-unsur yang terlibat seperti adat atau keadaan persekitaran bagi membuat penilaian samada praktik masyarakat ini dalam menentukan *mahar* menepati apa yang telah dianjurkan Islam sepertimana perbahasan yang dikemukakan di dalam bab kedua.

⁶⁵ Victor Minichiello (1990), *In-Depth Interviewing : Principles, Techniques, Analysis*, Cet. 2, Australia : Longman, h. 116

⁶⁶ *Ibid*, h. 161

⁶⁷ Chua Yan Piaw (2006), h. 201&202

⁶⁸ Victor Minichiello (1990), *op.cit.*, h. 116

b) Metod Deduktif

Kaedah deduktif ini digunakan di dalam bab yang kedua ketika pengkaji mengkaji berkenaan konsep dan amalan sebenar *mahar* di dalam Islam. Fakta-fakta dan ulasan yang diberikan oleh para ulama berkenaan *mahar* ini akan dianalisis bagi mencari kesimpulan yang lebih tepat supaya ia dapat dipraktikkan ketika penjelasan berkenaan perbandingan di antara amalan masyarakat dalam menetapkan kadar *mahar* ini dengan perundangan Islam dalam bab-bab yang seterusnya.

c) Metod Komparatif

Kaedah ini digunakan di dalam bab yang keempat dan kelima di mana ia merupakan satu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan antara fakta dan data yang diperolehi dalam tempoh kajian yang dibuat. Pada peringkat ini, Pengkaji mengumpulkan segala data yang berkaitan dengan persoalan kefahaman terhadap *mahar*, faktor dan kriteria penetapan *mahar*, bagaimana pelaksanannya serta amalan adat dalam penetapan *mahar* di lokasi kajian. Seterusnya membuat perbandingan dengan teori sebenar pelaksanaan dan pengamalannya menurut perundangan Islam serta kesimpulan.

1.9 SISTEMATIKA PENULISAN

Kajian ini mengandungi lima bab keseluruhannya. Bab 1 ialah bab pengenalan di mana Pengkaji membincangkan tentang latar belakang kajian, pemasalahan kajian, objektif dan kepentingan kajian. Selain itu, bab ini juga menyatakan skop atau batasan kajian yang dilakukan. Penghuraian definisi istilah yang terdapat dalam tajuk kajian serta menyatakan penggunaan metodologi pengkajian dalam kajian ini.

Di dalam bab 2, Pengkaji menjelaskan mengenai sejarah dan konsep *mahar* menurut perspektif hukum Islam sebagai asas rujukan yang sebenar dalam hukum adat dan kehidupan seharian.

Bab 3 pula, Pengkaji membincangkan tentang *mahar* di dalam adat Melayu dan di Selangor, melihat kedudukannya dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, meninjau di sekitar beberapa negara Islam, melihat status dan hak wanita terhadapnya, isu-isu berbangkit mengenai *mahar* dan kesimpulan.

Manakala di dalam bab 4, Pengkaji mengemukakan laporan pengkajian dan analisis data berdasarkan hasil kajian dan maklumat daripada temu bual dan pemerhatian yang dilakukan mengenai pengamalan *mahar*, pelaksanaannya dan kedudukannya serta perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal perkahwinan dalam masyarakat Islam Daerah Klang dan kemudian membuat satu analisis bagi menjelaskan hukum amalan yang dilakukan oleh masyarakat berkenaan melalui maklumat yang telah diperolehi serta melihat sejauh mana penggunaan *mahar* dan kesannya terhadap institusi sosial dan ekonomi wanita.

Akhir sekali dalam bab 5, Pengkaji membuat beberapa rumusan terhadap hasil kajian yang dibuat dan seterusnya akan diikuti dengan kesimpulan serta saranan yang pengkaji rasakan perlu diketengahkan dan diberikan perhatian sewajarnya. Secara keseluruhan kajian ini adalah merangkumi kajian tentang amalan penetapan kadar *mahar* dalam kalangan masyarakat Islam di Daerah Klang.

Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat dan menganalisis sejauh mana kefahaman dan pelaksanaan konsep *mahar* yang dianjurkan Islam dilaksanakan oleh penduduk di lokasi kajian di samping meninjau kepekaan golongan wanita khususnya terhadap peranan dan kepentingan *mahar* ini terhadap sosio-ekonomi mereka.